



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 357

AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958

Sebagaimana pada 1 Oktober 2014

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN
SENJATA BERBAHAYA 1958**

Pertama kali diperbuat 1958 (Ord. No. 43 tahun
1958)

Disemak 1988 (Akta 357 m.b.p.
1 Disember 1988)

Kali terakhir dipinda
melalui Akta A1463
yang mula berkuat kuasa pada 2 Julai 2014

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 357

AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pemilikan bahan-bahan kakisan atau letupan bagi maksud menyebabkan kecederaan
4. Menggunakan bahan-bahan kakisan atau letupan atau senjata berbahaya
5. Berdampingan dengan orang yang membawa bahan-bahan kakisan atau letupan
6. Membawa senjata berbahaya di tempat awam
7. Kesalahan yang berhubungan dengan senjata terjadual
8. Berdampingan dengan orang yang membawa senjata berbahaya di tempat awam
9. Kuasa penggeledahan dan penyitaan
10. Pelupusan harta
11. Anggapan
12. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 357

AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958

Suatu Akta untuk memperuntukkan penalti tertentu yang berhubungan dengan pemilikan bahan-bahan kakisan dan letupan yang menyalahi undang-undang dan membawa senjata berbahaya.

[*Semenanjung Malaysia—1 Januari 1959, P.U. 384/1958;
Sabah dan Sarawak—16 September 1963, P.U. 232/1963*]

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahan kakisan” ertiannya mana-mana asid dan bahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disifatkan termasuk segala bahan yang apabila dikenakan pada tubuh manusia boleh menyebabkan kecederaan melalui tindakan kakisan;

“bahan letupan” hendaklah disifatkan termasuk apa-apa benda bagi membuat apa-apa bahan letupan dan apa-apa bom, bom tangan, radas, mesin, alat atau benda yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan atau disesuaikan bagi menyebabkan atau membantu menyebabkan apa-apa letupan dalam atau dengan apa-apa bahan

letupan dan mana-mana bahagian bom, bom tangan, radas, mesin, atau alat itu;

“cedera” ertinya cedera sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574];

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“senjata berbahaya” termasuklah apa-apa alat yang jika digunakan sebagai senjata berbahaya mungkin akan menyebabkan kecederaan;

“senjata terjadual” ertinya mana-mana senjata berbahaya yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pemilikan bahan-bahan kakisan atau letupan bagi maksud menyebabkan kecederaan

3. Mana-mana orang yang membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan kakisan atau letupan dalam hal keadaan yang menimbulkan suatu anggapan yang munasabah bahawa dia berniat untuk menggunakan atau berniat untuk membolehkan seseorang yang lain menggunakan bahan itu bagi maksud menyebabkan kecederaan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat.

Menggunakan bahan-bahan kakisan atau letupan atau senjata berbahaya

4. Mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang dan dengan niat jahat menggunakan atau cuba menggunakan apa-apa bahan kakisan atau senjata berbahaya bagi maksud menyebabkan kecederaan, atau menyebabkan atau cuba menyebabkan dengan apa-apa bahan letupan suatu letupan daripada jenis yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan, sama ada apa-apa kecederaan telah sebenarnya disebabkan atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan

boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun dan disebat.

Berdampingan dengan orang yang membawa bahan-bahan kakisan atau letupan

5. Mana-mana orang yang berdampingan dengan atau didapati ada bersama-sama dengan seorang lain yang sedang membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan kakisan atau letupan yang melanggar seksyen 3, dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia telah mengetahui yang orang lain itu sedang membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia ada alasan yang munasabah bagi mempercayai yang orang lain itu membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan itu bagi maksud yang sah, melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman yang sama seperti yang boleh dikenakan kepada orang yang didampinginya itu atau yang bersama-sama dengannya ketika dia ditemui.

Membawa senjata berbahaya di tempat awam

6. (1) Mana-mana orang yang membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya, di mana-mana jalan atau tempat awam, apa-apa senjata berbahaya selain dengan kebenaran yang sah atau bagi suatu maksud yang sah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun, dan disebat.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) beban membuktikan wujudnya suatu maksud yang sah hendaklah terletak ke atas tertuduh.

(3) Suatu senjata hendaklah dianggap sebagai dibawa dengan kebenaran yang sah jika ia dibawa—

- (a) oleh seorang anggota angkatan tentera Malaysia atau mana-mana angkatan tempatan atau pasukan polis atau mana-mana angkatan pelawat yang berada dengan sahnya di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan angkatan pelawat, atau seseorang dalam perkhidmatan mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan di Malaysia, dan dalam mana-mana hal itu ia dibawa atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya sebagai anggota atau orang sedemikian; atau
- (b) oleh mana-mana orang sebagai sebahagian daripada pakaian rasmi atau pakaian istiadatnya dalam mana-mana upacara rasmi atau istiadat.

(4) Suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan boleh tangkap dan tidak boleh jamin.

Kesalahan yang berhubungan dengan senjata terjadual

7. (1) Mana-mana orang yang, melainkan bagi suatu maksud yang sah—

- (a) membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya;
- (b) membuat, menjual atau menyewa atau menawarkan atau mempamerkan untuk jualan atau sewaan; atau
- (c) meminjamkan atau memberikan kepada mana-mana orang lain,

apa-apa senjata terjadual melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) beban membuktikan wujudnya suatu maksud yang sah hendaklah terletak ke atas tertuduh.

(3) Suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan boleh tangkap dan tidak boleh jamin.

Berdampingan dengan orang yang membawa senjata berbahaya di tempat awam

8. (1) Mana-mana orang yang berdampingan dengan atau didapati ada bersama-sama dengan seorang lain yang sedang membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa senjata berbahaya yang melanggar seksyen 6, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia ada alasan yang munasabah bagi mempercayai yang orang lain itu membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa senjata itu bagi maksud yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman yang sama seperti yang boleh dikenakan kepada orang yang didampinginya itu atau yang bersama-sama dengannya ketika dia ditemui.

(2) Suatu kesalahan terhadap seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan boleh tangkap dan tidak boleh jamin.

Kuasa penggeledahan dan penyitaan

9. (1) Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan, menahan dan memeriksa mana-mana orang atau kenderaan yang dijumpai di mana-mana jalan atau tempat awam jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa apa-apa keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini mungkin akan didapati pada orang itu atau di dalam kenderaan itu, dan boleh melucutkan senjata mana-mana orang itu dan menyita apa-apa senjata berbahaya, artikel atau benda atau pengumpulannya yang boleh digunakan bagi menyebabkan kecederaan jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ia dimaksudkan atau mungkin dimaksudkan untuk digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau berpangkat lebih tinggi boleh, tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) menahan dan memeriksa mana-mana orang atau kenderaan, sama ada di jalan awam atau di tempat awam atau tidak;
- (b) memasuki dan menggeledah mana-mana premis;
- (c) menaiki dan memeriksa mana-mana vesel, kenderaan atau pesawat udara yang bukannya, atau tidak mempunyai taraf, suatu vesel, kenderaan atau pesawat udara angkatan tentera laut, darat atau udara,

jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa apa-apa keterangan mengenai pelakuan atau persediaan bagi pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini mungkin akan didapati pada orang atau premis itu atau dalam mana-mana vesel, kenderaan atau pesawat udara sedemikian dan boleh menyita mana-mana artikel atau benda atau pengumpulannya yang boleh digunakan bagi menyebabkan kecederaan jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ia dimaksudkan atau mungkin digunakan bagi maksud menyebabkan kecederaan, dan apa-apa keterangan yang didapati dan mana-mana vesel, kenderaan atau pesawat udara yang di dalamnya artikel, benda atau keterangan itu didapati.

(3) Tiada seorang pun perempuan boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh seorang perempuan.

Pelupusan harta

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), peruntukan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] yang berhubungan dengan pelupusan harta yang menjadi subjek sesuatu kesalahan, hendaklah terpakai bagi apa-apa artikel yang berada dalam milikan seorang pegawai polis di bawah seksyen 9.

(2) Apa-apa bahan kakisan atau letupan atau senjata berbahaya yang berada dalam milikan seorang pegawai polis di bawah seksyen 9 boleh dilupuskan mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Menteri.

(3) Tiada apa-apa juga dalam seksyen ini boleh dikira sebagai menjelaskan apa-apa hak untuk menyimpan atau melupuskan harta yang mungkin wujud di sisi undang-undang selain peruntukan seksyen ini.

Anggapan

11. (1) Jika apa-apa bahan kakisan atau letupan dijumpai di dalam atau di mana-mana premis, penghuni premis itu hendaklah disifatkan sebagai memiliki bahan itu melainkan jika dia boleh membuktikan bahawa seorang lain telah memilikinya, atau dia tidak mempunyai pengetahuan atau cara yang munasabah untuk mengetahui bahawa bahan itu telah berada di dalam atau di premis itu dan bahawa dia telah mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah terhadap bahan itu yang disimpan di dalam atau di premis itu.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen 3 atau 5, ia hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa mana-mana bahan dimaksudkan untuk digunakan bagi menyebabkan kecederaan jika—

- (a) kuantiti bahan yang dijumpai melebihi kuantiti yang semunasabahnya dikehendaki disimpan oleh tertuduh bagi penggunaan dan pemakaian biasa di rumahnya atau bangunannya dan (dalam hal seseorang yang menjalankan perniagaan) melebihi kuantiti yang semunasabahnya dikehendaki disimpan dalam penjalanan biasa perniagaan itu;
- (b) bahan itu disimpan secara tersembunyi atau di suatu tempat selain tempat artikel itu mungkin semunasabahnya dijangka disimpan bagi kegunaan

domestik atau dalam hal seseorang yang menjalankan perniagaan, bagi maksud perniagaan; atau

- (c) bahan itu disimpan dalam bekas selain bekas daripada jenis yang bahan itu biasanya disimpan bagi maksud domestik atau, dalam hal seseorang yang menjalankan perniagaan, bagi maksud perniagaan.

Kuasa untuk meminda Jadual

12. Menteri boleh melalui perintah menambah atau meminda Jadual kepada Akta ini.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2 dan 12]

- | | |
|---------------------|-----------------------|
| 1. Asid sulfurik | 6. Fenol |
| 2. Asid nitrik | 7. Ammonia |
| 3. Asid hidroklorik | 8. Kalium hidroksida |
| 4. Asid formik | 9. Natrium hidroksida |
| 5. Asid asetik | |
-

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2 dan 12]

1. Apa-apa pisau, ada kalanya dikenali sebagai "pisau flik" yang mempunyai bilah yang terbuka secara automatik dengan tekanan tangan digunakan pada suatu butang, spring atau alat lain di dalam atau yang melekat di bahagian pemegang pisau itu.
2. Apa-apa pisau, ada kalanya dikenali sebagai "pisau graviti" yang mempunyai bilah yang dilepaskan daripada pemegang atau sarungnya dengan tekanan graviti atau pemakaian daya emparan dan yang apabila dilepaskan, terkunci di tempat itu dengan menggunakan butang, spring, tuil atau peranti lain.

3. Apa-apa cemeti yang dibuat daripada rantai basikal atau motosikal, atau daripada apa-apa rantai yang sama jenis.
 4. Segala jenis buku lima.
 5. Apa-apa bilah atau alat lain yang dipasang pada atau membentuk sebahagian daripada suatu pam basikal, paip logam atau kayu, dan tersembunyi di dalamnya, yang boleh digunakan untuk melukai dan menikam.
 6. Apa-apa alat seperti pisau yang mempunyai tiga mata yang tajam dan suatu hujung runcing yang tajam, ada kalanya dikenali sebagai “pengikis bearing”.
 7. Apa-apa kapak kecil yang kebiasannya digunakan sebagai suatu senjata dan secara lazimnya dikenali sebagai “kapak kecil”.
 8. Apa-apa pedang, keris, parang atau pisau lain yang pada mana-mana bahagiannya ditulis, diukir timbul, dipahat dengan, atau selainnya mempunyai apa-apa ayat, perkataan atau huruf yang berkaitan dengan atau yang berhubungan dengan apa-apa agama atau kepercayaan.
 9. Apa-apa pedang atau parang yang kebiasaannya dimaksudkan untuk digunakan sebagai suatu senjata dan bukan sebagai suatu alat pertanian atau rumah atau peralatan kebun.
 10. Apa-apa lembing atau mata lembing.
 11. Apa-apa busur silang.
 12. Apa-apa *Patrolite*, *Stun Gun*, *Taser*, Belantan Kawal atau apa-apa alat, peranti atau kelengkapan yang serupa yang digerakkan oleh bateri atau elektrik atau apa-apa bentuk kuasa.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 357

AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|-------------------------------|--|-----------------------|
| Akta 16/1961 | Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 1961 | 25-05-1961 |
| P.U. 232/1963 | Perintah Pengubabsuaian Undang-Undang (Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam) (Negeri-Negeri Borneo) 1963 | 16-09-1963 |
| Akta A324 | Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976 | 10-01-1976 |
| Akta A327 | Akta Kanun Keseksaan (Pindaan dan Perluasan) 1976 | 31-03-1976 |
| P.U. (A) 294/1978 | Perintah Senjata Berbahaya 1978 | 13-10-1978 |
| P.U. (A) 252/1984 | Perintah Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan kepada Jadual Kedua) 1984 | 20-07-1984 |
| P.U. (B) 131/1989 | Perintah Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan Jadual Kedua) 1989 | 10-03-1989 |
| P.U. (A) 23/1992 | Perintah Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 1992 | 31-01-1992 |
| Akta A1463 | Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2014 | 02-07-2014 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 357

AKTA BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA 1958

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|----------------|---|--|
| 1 | P.U. 232/1963 | 16-09-1963 |
| 2 | Akta 16/1961 | 25-05-1961 |
| 6 | Akta A1463 | 02-07-2014 |
| 7 | Akta 16/1961 Akta A1463 | 25-05-1961 02-07-2014 |
| 10 | Akta A324 | 10-01-1976 |
| 11 | Akta 16/1961 | 25-05-1961 |
| Jadual Pertama | Akta 16/1961 | 25-05-1961 |
| Jadual Kedua | P.U. (A) 294/1978 P.U. (A) 252/1984 P.U. (B) 131/1989 P.U. (A) 23/1992 | 13-10-1978 20-07-1984 10-03-1989 31-01-1992 |
